



SIARAN MEDIA

BULAN KAUNSELING KEBANGSAAN 2024 “TEKAD EMPATI, SEJAHTERA INSANI”

NILAI, 15 OKTOBER - YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah merasmikan Sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan 2024 yang berlangsung di Nilai Springs Resort Hotel, Nilai Negeri Sembilan.

‘**TEKAD EMPATI, SEJAHTERA INSANI**’ telah dipilih sebagai tema Bulan Kaunseling Kebangsaan 2024 selaras dengan agenda nasional bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang kaya dengan penerapan nilai ihsan yang mampan, sejahtera, saling menghormati, bersikap prihatin, saling empati dan menjadi teras kesuburan kesejahteraan masyarakat Malaysia. Pemilihan tema ini juga bertepatan dengan keprihatinan kerajaan dalam prestasi kesejahteraan masyarakat Malaysia yang kini terdedah dengan ancaman proses globalisasi seperti isu psikososial, ekonomi, pendidikan dan kesihatan.

Antara objektif pelaksanaan Bulan Kaunseling Kebangsaan adalah bagi mengiktiraf peranan kaunselor berdaftar dalam memberikan perkhidmatan kaunseling profesional di samping memberikan tumpuan kepada peranan kaunselor dalam menangani isu semasa, membudayakan perkhidmatan kaunseling kepada masyarakat, meningkatkan aksesibiliti perkhidmatan kaunseling kepada masyarakat dan mempromosikan perkhidmatan kaunseling dan profesion kaunselor sebagai tunjang kesejahteraan masyarakat.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat komited dalam usaha berterusan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap keperluan perkhidmatan kaunseling profesional. Sempena Sambutan Bulan

Kaunseling Kebangsaan 2024, pelbagai program akan dilaksanakan oleh Kementerian, Jabatan dan Agensi serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang mengendalikan perkhidmatan kaunseling untuk semua peringkat masyarakat.

Dalam majlis ini Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM) telah menganjurkan pelbagai program menarik seperti Seminar Kaunseling yang disampaikan oleh Prof. Dr. Othman bin Dato' Haji Mohamed, Presiden Lembaga Kaunselor bertajuk "Tekad Empati Sejahtera Insani", Forum bertajuk "Keseimbangan Kehidupan Bekerja: Realiti atau Imajinasi?" menampilkan tiga (3) orang panel yang terdiri daripada Prof. Dr. Siti Aishah binti Hassan, Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Mansor Abu Talib, PERKAMA International dan Encik Ahmad Fazli Ab Aziz, Kaunselor Bebas. Selain itu, turut diadakan ceramah bertajuk Etika Kaunseling dalam Talian (Virtual Counselling) oleh Dr. Ooi Pei Boon, daripada Sunway University dan ceramah Isu Seksualiti dan Kecelaruan Jantina yang disampaikan Dr. Ismail Thambi, Pakar Andrologi, Damai Service Hospital.

Majlis ini telah dihadiri oleh 600 peserta terdiri daripada kaunselor berdaftar, wakil-wakil Kementerian, Jabatan dan Agensi serta NGO antaranya PERKAMA International (Persatuan Kaunseling Malaysia), Persatuan Kaunselor Pendidikan Malaysia (PEKA), Majlis Guru Kaunseling Kebangsaan (MGKK), Persatuan Kaunselor Pendidikan MARA (PEKAMARA) dan gabungan-gabungan persatuan kaunseling yang lain.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
15 OKTOBER 2024**